



KERAJAAN MALAYSIA

**PEKELILING TRANSFORMASI PENTADBIRAN AWAM
BIL. 2 TAHUN 2017**

**PENGURUSAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN
TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN
(1GOV*NET)**

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Tujuan	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Dasar	2
Pembiayaan Perkhidmatan	2
Pengecualian	2
Tadbir Urus Perkhidmatan 1Gov*Net	3
Perkhidmatan 1Gov*Net	3
Pelaksanaan 1Gov*Net	3
Pemakaian	4
Pembatalan	4
Tarikh Berkuat Kuasa	4
Pertanyaan	4
Senarai Lampiran	6

**PEKELILING TRANSFORMASI PENTADBIRAN AWAM
BIL. 2 TAHUN 2017**

**PENGURUSAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI
BERSEPADU KERAJAAN (1GOV*NET)**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada ketua-ketua jabatan Kerajaan mengenai Pengurusan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (1Gov*Net) bagi memperkukuhkan sistem rangkaian perkhidmatan kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menyumbang kepada peningkatan kecekapan, keberkesanan dan produktiviti agensi Kerajaan. Bagi menjamin perkhidmatan yang cepat, cekap, berkualiti dan berterusan kepada pengguna, Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan, iaitu infrastruktur rangkaian kawasan luas yang menghubungkan agensi Kerajaan telah dibina yang dikenali 1Gov*Net.

3. Pelaksanaan 1Gov*Net bermula sejak Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), iaitu kesinambungan daripada perkhidmatan EG*Net yang telah ditambah baik. Perkhidmatan tersebut dibangunkan bagi menyokong pelaksanaan kerajaan digital dalam usaha meningkatkan produktiviti, mengurangkan pertindihan dan menambah baik kecekapan hasil daripada pengurusan dan penyenggaraan infrastruktur yang dikongsi bersama. Pendekatan pengurusan perkhidmatan 1Gov*Net yang dibuat secara berpusat membolehkan agensi Kerajaan memberi tumpuan penuh kepada pelaksanaan perkhidmatan utama masing-masing.

PERNYATAAN DASAR

4. Pernyataan Dasar Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (1Gov*Net) ialah:

“Semua agensi Kerajaan yang memerlukan kemudahan perkhidmatan rangkaian telekomunikasi HENDAKLAH mengguna pakai perkhidmatan 1Gov*Net.”

PEMBIAYAAN PERKHIDMATAN

5. Perkhidmatan 1Gov*Net untuk Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Badan Berkanun Persekutuan adalah di bawah pembiayaan Kerajaan Persekutuan. Bagi pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan yang diasingkan saraan dan Pihak Berkuasa Tempatan juga boleh menggunakan perkhidmatan 1Gov*Net tetapi hendaklah di bawah pembiayaan sendiri.

PENGECUALIAN

6. Perkhidmatan 1Gov*Net **DIKECUALIKAN** pemakaian kepada agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pembelajaran dan pendidikan, penyelidikan dan pembangunan serta rangkaian dan keselamatan yang telah mengguna pakai rangkaian 1BestariNet, Malaysia Research and Education Network (MYREN) dan Network Centric Operation (NCO) sehingga ke tempoh masa perkhidmatan rangkaian berkenaan tamat.

TADBIR URUS PERKHIDMATAN 1GOV*NET

7. Perkhidmatan 1Gov*Net diurustadbirkan dan dipantau pelaksanaannya oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

PERKHIDMATAN 1GOV*NET

8. Perkhidmatan 1Gov*Net yang disediakan kepada agensi Kerajaan terdiri daripada:

- (i) Perkhidmatan Rangkaian Kawasan Luas (Wide Area Network (WAN)) bagi agensi-agensi Kerajaan di luar Putrajaya; dan
- (ii) Perkhidmatan Rangkaian Kampus Putrajaya (Putrajaya Campus Network (PCN)) bagi agensi-agensi Kerajaan di Putrajaya.

PELAKSANAAN 1GOV*NET

9. Pelaksanaan 1Gov*Net **HENDAKLAH** berpandukan **Garis Panduan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (1Gov*Net)** seperti **Lampiran 1**. Garis panduan ini menjelaskan perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) Skop perkhidmatan 1Gov*Net dan jaminan tahap perkhidmatan;
- (ii) Tatacara permohonan, pengoperasian dan pemantauan 1Gov*Net; dan

- (iii) Peranan dan tanggungjawab Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) serta agensi.

PEMAKAIAN

10. Pekeliling ini terpakai kepada semua agensi Kerajaan. Agensi tersebut tertakluk kepada Arahan Keselamatan Kerajaan, Dasar Keselamatan ICT agensi dan dasar atau arahan atau peraturan yang berkuat kuasa bagi melaksanakan kawalan keselamatan perkhidmatan 1Gov*Net sektor awam.

PEMBATALAN

11. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, maka Garis Panduan Permohonan Perkhidmatan EG*Net Bil. 1 Tahun 2010 bertarikh 26 Oktober 2010 dibatalkan.

TARIKH BERKUAT KUASA

12. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan dan terpakai bagi tempoh lima tahun melainkan jika terdapat arahan terkini atau perkembangan baharu yang memerlukan dikaji semula dan dikemas kini lebih awal sebelum tempoh tersebut berakhir.

PERTANYAAN

13. Sebarang pertanyaan mengenai pekeling ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU), Jabatan Perdana Menteri,
Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62502 Putrajaya.

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faksimile : 03-8000 8001

E-mel : 1govnet@mampu.gov.my

Laman Web : www.mampu.gov.my

www.1govnet.gov.my

“BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' SRI ZAINAL RAHIM SEMAN

Ketua Pengarah MAMPU

3 Januari 2017

MAMPU.100 – 1/8/7 Jld 2 (31)

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
1	Garis Panduan Pengurusan Perkhidmatan Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (1Gov*Net)	7

Lampiran 1 kepada
Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam
Bil. 2 Tahun 2017

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN
TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN
(1GOV*NET)**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Kandungan	i
Senarai Jadual	ii
Senarai Rajah	iii
Senarai Lampiran	iv
Tujuan	1
Latar Belakang	1
Takrifan	2
Objektif	3
Perkhidmatan 1Gov*Net	4
Jaminan Tahap Perkhidmatan dan Pengoperasian	5
Tatacara Permohonan, Penamatan dan Penurunan Taraf Perkhidmatan 1Gov*Net	6
Tadbir Urus Perkhidmatan 1Gov*Net	7
Peranan dan Tanggungjawab MAMPU	7
Peranan dan Tanggungjawab Agensi	9
Keselamatan Perkhidmatan 1Gov*Net	11
Penutup	11

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Jaminan Tahap Perkhidmatan (SLG) 1Gov*Net	5

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1	Carta Struktur Tadbir Urus 1Gov*Net	8

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Maklumat Perkhidmatan 1Gov*Net	12
B	Pengoperasian, Pemantauan dan Khidmat Sokongan	17
C	Terma Rujukan Jawatankuasa Tadbir Urus 1Gov*Net	19
D	Persempadanan Skop MAMPU dan Agensi Kerajaan	23

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN
TELEKOMUNIKASI BERSEPADU KERAJAAN
(1GOV*NET)**

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada agensi Kerajaan mengenai Pengurusan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (1Gov*Net). Garis panduan ini menjelaskan perkhidmatan 1Gov*Net, tatacara permohonan perkhidmatan, pengoperasian dan pemantauan serta tadbir urus projek 1Gov*Net.

LATAR BELAKANG

2. Perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menyumbang kepada peningkatan kecekapan, keberkesanan dan produktiviti di agensi Kerajaan. Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan yang dikenali 1Gov*Net ialah infrastruktur khusus yang telah dibangunkan untuk menghubungkan agensi-agensi Kerajaan bagi capaian perkhidmatan dalam talian.

3. Perkhidmatan ini berperanan sebagai pemudah cara strategik komunikasi ICT untuk menyokong pelaksanaan aplikasi dalam talian kerajaan, pelaksanaan perkongsian data merentasi agensi dan inisiatif-inisiatif ICT kerajaan dalam melaksanakan transformasi ke arah kerajaan digital. Perkhidmatan 1Gov*Net mula dilaksanakan pada 1 Januari 2013 merupakan kesinambungan daripada perkhidmatan rangkaian EG*Net yang bermula sejak tahun 1999. Perkhidmatan ini diuruskan secara berpusat di Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

TAKRIFAN

4. Takrifan yang digunakan dalam garis panduan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) **Agensi Kerajaan** merujuk kepada Kementerian atau Jabatan atau Agensi dalam sektor awam;
- (ii) **Agensi Khidmat Barisan Hadapan** merujuk kepada agensi Kerajaan yang mempunyai hubungan terus dengan orang awam seperti perkhidmatan kaunter atau pintu masuk/keluar negara (contoh: Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara);
- (iii) **Aplikasi Kerajaan Digital** merujuk kepada semua aplikasi agensi Kerajaan yang beroperasi secara dalam talian yang digunakan oleh orang awam dan agensi Kerajaan;
- (iv) **Jaminan Tahap Perkhidmatan** (Service Level Guarantee (SLG)) merujuk kepada tanda aras yang dinyatakan secara umum untuk menjamin tahap ketersediaan perkhidmatan yang dibekalkan;
- (v) **Kerajaan Digital** merujuk kepada peningkatan perkhidmatan kerajaan elektronik bagi mewujudkan satu ekosistem secara meluas bagi menghubungkan rakyat dan sektor perniagaan dengan agensi Kerajaan;
- (vi) **Kerajaan Elektronik** merujuk kepada penyediaan perkhidmatan kerajaan secara dalam talian dengan menggunakan multimedia dan teknologi maklumat untuk agensi Kerajaan, rakyat dan sektor perniagaan;

- (vii) **Lokasi** merujuk kepada premis agensi Kerajaan yang dibekalkan perkhidmatan 1Gov*Net;
- (viii) **Pembekal Perkhidmatan 1Gov*Net** merujuk kepada syarikat yang dilantik oleh Kerajaan bagi membekalkan perkhidmatan 1Gov*Net; dan
- (ix) **Tahap Ketersediaan** merujuk kepada peringkat yang boleh dicapai bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan berfungsi dan beroperasi dengan baik.

OBJEKTIF

5. Objektif pelaksanaan 1Gov*Net adalah seperti yang berikut:

- (i) Mentransformasikan rangkaian ICT sektor awam melalui pengabungan infrastruktur rangkaian ICT yang diuruskan secara berpusat;
- (ii) Mengoptimumkan penggunaan sumber serta mengurangkan pertindihan dan kos operasi bagi memberi nilai kewangan kepada Kerajaan;
- (iii) Menyediakan jaminan tahap perkhidmatan yang seragam kepada agensi Kerajaan;
- (iv) Meningkatkan kecekapan pengurusan dan penyenggaraan infrastruktur ICT sektor awam yang dikongsi bersama; dan

- (v) Meningkatkan produktiviti, mengurangkan pertindihan dan menambah baik kecekapan hasil daripada pengurusan dan penyenggaraan bagi infrastruktur.

PERKHIDMATAN 1GOV*NET

6. Perkhidmatan 1Gov*Net menyediakan dua jenis perkhidmatan rangkaian, iaitu **Rangkaian Kawasan Luas (Wide Area Network (WAN))** dan **Rangkaian Kampus Putrajaya (Putrajaya Campus Network (PCN))** untuk agensi Kerajaan bagi tujuan capaian ke aplikasi kerajaan digital, capaian ke aplikasi dalaman agensi (Intranet agensi) dan capaian ke Internet. Perkhidmatan yang disediakan oleh 1Gov*Net adalah seperti yang berikut:

- (i) **Perkhidmatan Rangkaian Kawasan Luas (Wide Area Network (WAN))** ialah perkhidmatan rangkaian 1Gov*Net yang disediakan untuk agensi Kerajaan dengan menyediakan perkhidmatan seperti yang berikut:
 - (a) Perkhidmatan utama ialah perkhidmatan rangkaian kawasan luas yang selamat (Secured Wide Area Network Services) dengan menggunakan teknologi rangkaian terkini untuk menghubungkan agensi-agensi Kerajaan; dan
 - (b) Perkhidmatan pilihan ialah perkhidmatan rangkaian lain yang ditawarkan dalam perkhidmatan 1Gov*Net selain perkhidmatan utama.
- (ii) **Perkhidmatan Rangkaian Kampus Putrajaya (Putrajaya Campus Network (PCN))** merupakan perkhidmatan pengurusan dan pemantauan operasi harian rangkaian secara 24 jam setiap hari bagi agensi Kerajaan di Putrajaya dan Cyberjaya.

Perkhidmatan PCN juga merangkumi perkhidmatan rangkaian tanpa wayar serta penyelenggaraan peralatan rangkaian bangunan agensi Kerajaan di Putrajaya dan Cyberjaya.

7. Perincian perkhidmatan yang disediakan oleh WAN dan PCN di bawah 1Gov*Net adalah seperti **Lampiran A**.

JAMINAN TAHAP PERKHIDMATAN DAN PENGOPERASIAN

8. Tahap ketersediaan perkhidmatan 1Gov*Net yang dibekalkan adalah berdasarkan kepada Jaminan Tahap Perkhidmatan (SLG) seperti **Jadual 1**.

Jadual 1: Jaminan Tahap Perkhidmatan (SLG) 1Gov*Net

Bil.	Jaminan Tahap Perkhidmatan	
(i)	99.9% kebolehsediaan (High Availability)	Jaminan tahap perkhidmatan 99.9% kebolehsediaan adalah untuk lokasi-lokasi yang mempunyai perkhidmatan kritikal seperti pusat data dan perkhidmatan kaunter agensi khidmat barisan hadapan.
(ii)	99.9% dengan sandaran (with backup)	Jaminan tahap perkhidmatan 99.9% dengan sandaran (with backup) adalah untuk lokasi-lokasi khidmat barisan hadapan.
(iii)	99.7%	Jaminan tahap perkhidmatan 99.7% adalah untuk lokasi-lokasi selain lokasi-lokasi pada (i) dan (ii).
(iv)	99.5%	Jaminan tahap perkhidmatan 99.5% adalah untuk lokasi-lokasi yang menggunakan perkhidmatan PCN.

Bil.	Jaminan Tahap Perkhidmatan	
(v)	97.0%	Jaminan tahap perkhidmatan 97.0% adalah untuk lokasi-lokasi yang menggunakan Terminal Bukaam Sangat Kecil (Very Small Aperture Terminal (VSAT)).

9. Perkhidmatan 1Gov*Net menyediakan perkhidmatan pengoperasian, pemantauan dan perkhidmatan sokongan melalui Pusat Rangkaian Operasi (Network Operation Center (NOC)), meja bantuan, sokongan setempat kawasan (regional support) dan sokongan teknikal seperti **Lampiran B**.

TATACARA PERMOHONAN, PENAMATAN DAN PENURUNAN TARAF PERKHIDMATAN 1GOV*NET

10. Agensi yang memerlukan perkhidmatan 1Gov*Net hendaklah mengemukakan permohonan secara rasmi melalui ibu pejabat agensi kepada MAMPU untuk pertimbangan dan kelulusan. Prosedur permohonan perkhidmatan 1Gov*Net hendaklah merujuk kepada Tatacara Pengendalian Piawai (Standard Operating Procedure (SOP)) 1Gov*Net yang boleh dimuat turun daripada url www.mampu.gov.my atau www.1govnet.gov.my. SOP 1Gov*Net ini menjelaskan tatacara permohonan perkhidmatan, pemasangan, pengoperasian dan pengebilan.

11. Kelulusan permohonan perkhidmatan kepada agensi ialah tertakluk kepada justifikasi keperluan, ketersediaan infrastruktur di lokasi berkaitan dan peruntukan kewangan.

12. Penamatan atau turun taraf perkhidmatan 1Gov*Net di agensi boleh dilaksanakan sekiranya tiada penggunaan atau tahap penggunaan perkhidmatan rendah tanpa sebab yang munasabah.

TADBIR URUS PERKHIDMATAN 1GOV*NET

13. Struktur Tadbir Urus 1Gov*Net adalah seperti **Rajah 1**. Perkhidmatan 1Gov*Net diurustadbirkan dan dipantau pelaksanaannya oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Pelibatan pegawai di Kementerian atau Agensi adalah penting untuk menjayakan pelaksanaan 1Gov*Net seperti **Rajah 1**.


14. Terma Rujukan Jawatankuasa adalah seperti **Lampiran C**.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MAMPU

15. **MAMPU** ialah agensi yang diberi tanggungjawab merancang dan menguruskan perkhidmatan 1Gov*Net kepada agensi Kerajaan. Tanggungjawab MAMPU adalah seperti yang berikut:

- (i) Merangka dasar dan strategi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dan operasi perkhidmatan rangkaian 1Gov*Net;
- (ii) Membuat perancangan masa hadapan perkhidmatan rangkaian 1Gov*Net;
- (iii) Mengenal pasti keperluan keselamatan perkhidmatan rangkaian 1Gov*Net bagi memastikan keselamatan maklumat Kerajaan;
- (iv) Memantau kemajuan dan memastikan pelaksanaan 1Gov*Net mematuhi skop atau jadual projek dan terma kontrak;
- (v) Memastikan perkhidmatan 1Gov*Net digunakan oleh agensi secara optimum dan produktif;

- (vi) Mengurus kontrak dan Jaminan Tahap Perkhidmatan (SLG); dan
- (vii) Mengurus peruntukan dan pembayaran perkhidmatan.



Rajah 1: Carta Struktur Tadbir Urus 1Gov*Net

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AGENSI

16. **Agensi Kerajaan** berperanan dalam mengurus permohonan dan tadbir urus perkhidmatan 1Gov*Net di peringkat agensi masing-masing bagi memastikan perkhidmatan 1Gov*Net beroperasi dengan baik. Tanggungjawab agensi adalah seperti yang berikut:

- (i) Permohonan Perkhidmatan;
 - (a) Membuat permohonan perkhidmatan 1Gov*Net melalui kementerian atau jabatan bagi lokasi-lokasi di bawah seliaan agensi;
 - (b) Mempertimbangkan permohonan bagi perbelanjaan berhemah dan menguntungkan Kerajaan;
 - (c) Memaklumkan perancangan awal mengenai perluasan rangkaian di agensi dan di cawangan yang terlibat;
 - (d) Memastikan permohonan perkhidmatan dibuat sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum pelaksanaan; dan
 - (e) Memastikan talian digunakan selewat-lewatnya satu tahun dari tarikh Sijil Penerimaan bagi mengelakkan tindakan penalti kepada Kerajaan.
- (ii) Pemasangan;
 - (a) Memastikan ketersediaan lokasi (bilik server atau bilik sistem telekomunikasi (telco)), rak peralatan rangkaian, bekalan elektrik, penyaman udara, Rangkaian

Kawasan Setempat (Local Area Network (LAN)) dan keperluan lain untuk pemasangan talian 1Gov*Net;

- (b) Membuat perancangan mengatur kedudukan (deployment) aplikasi meliputi keperluan rangkaian dan jadual pelaksanaan;
 - (c) Membantu mendapatkan kebenaran untuk masuk ke bangunan sepanjang kerja-kerja pemasangan dijalankan; dan
 - (d) Melaksanakan Ujian Penerimaan Pengguna (User Acceptance Test (UAT)).
- (iii) Penggunaan talian dan operasi;
- (a) Membuat pemantauan penggunaan talian WAN bagi kementerian dan agensi-agensi di bawah kementerian bagi memastikan perkhidmatan yang dibekalkan telah digunakan secara optimum untuk aplikasi kerajaan digital, aplikasi dalaman agensi (Intranet) dan juga Internet; dan
 - (b) Memantau isu-isu pengoperasian dan pelaksanaan rangkaian di agensi.
- (iv) Pengesahan terimaan perkhidmatan untuk tujuan pengebilan;
- (v) Penamatan perkhidmatan rangkaian melalui syarikat telekomunikasi lain di premis agensi sekiranya perlu apabila perkhidmatan 1Gov*Net telah dibekalkan;

- (vi) Penyediaan perkhidmatan keselamatan rangkaian seperti Tembok Api (Firewall), Sistem Pencegahan Pencerobohan (Intrusion Prevention Systems (IPS)) dan Penapisan Kandungan (Content Filtering); dan
- (vii) Pemakluman mengenai perubahan dan keperluan baharu ICT kepada MAMPU sekurang-kurangnya enam bulan sebelum pelaksanaan.

17. Persempadanan skop dan tanggungjawab bagi MAMPU serta agensi Kerajaan adalah seperti **Lampiran D**.

KESELAMATAN PERKHIDMATAN 1GOV*NET

18. Agensi tertakluk kepada Arahan Keselamatan Kerajaan, Dasar Keselamatan ICT agensi dan dasar atau arahan atau peraturan yang berkuat kuasa bagi melaksanakan kawalan keselamatan perkhidmatan 1Gov*Net sektor awam.

PENUTUP

19. Agensi Kerajaan hendaklah mematuhi garis panduan ini bagi memastikan kelancaran perkhidmatan 1Gov*Net.

MAKLUMAT PERKHIDMATAN 1GOV*NET

Bil.	Perkhidmatan	Deskripsi
A. Perkhidmatan Utama Rangkaian Kawasan Luas (WAN)		
	Rangkaian Kawasan Luas (<i>Wide Area Network (WAN)</i>)	<p>Teknologi perkhidmatan yang ditawarkan meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Talian litar suwa bagi lokasi-lokasi yang dibekalkan dengan lebar jalur 1 Mbps dan 256 Kbps; (ii) E-Metro atau teknologi berkelajuan tinggi yang lain bagi lokasi-lokasi yang dibekalkan dengan lebar lajur 6 Mbps dan ke atas; dan (iii) Terminal Bukanan Sangat Kecil (Very Small Aperture Terminal (VSAT)) bagi lokasi-lokasi yang terpencil yang tidak dapat disediakan infrastruktur berkelajuan tinggi. <p>Lebar jalur yang ditawarkan adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <u>256 Kbps</u>: menyediakan capaian ke aplikasi kerajaan digital dan capaian ke aplikasi dalaman agensi sahaja; (ii) <u>1 Mbps</u>: menyediakan capaian ke aplikasi kerajaan digital, capaian ke aplikasi dalaman agensi dan capaian

Bil.	Perkhidmatan	Deskripsi
		<p>ke Internet dengan nisbah 1:5; dan</p> <p>(iii) <u>2 Mbps</u> dan melebihi 2 Mbps teknologi berwayar dengan SLG 99.9% kebolehsediaan, 99.9% dan 99.7% menyediakan capaian ke aplikasi kerajaan digital, capaian ke aplikasi dalaman agensi dan capaian ke Internet dengan nisbah 1:5 serta Pengurusan Alat Lebar Jalur (Bandwidth Management Tools (BMT)).</p>
B. Perkhidmatan Pilihan Rangkaian Kawasan Luas (WAN)		
(i)	Penyepaduan (Integration)	Menyambungkan rangkaian 1Gov*Net dengan rangkaian agensi Kerajaan lain bagi tujuan capaian kepada aplikasi Kerajaan Persekutuan yang berada dalam 1Gov*Net.
(ii)	Penggabungan (Consolidation)	<p>Penggabungan talian pelbagai agensi Kerajaan dalam satu bangunan persekutuan apabila agensi akan menggunakan talian maya (virtual) yang berasingan. Perkhidmatan rangkaian konsolidasi menyediakan penghala (router), Alat Pengurusan Lebar Jalur (Bandwidth Management Tools (BMT)) dan pengurusan suis (managed switches).</p> <p>Agensi atau MAMPU hendaklah menamatkan talian 1Gov*Net sedia ada selepas penggabungan dilaksanakan.</p>

Bil.	Perkhidmatan	Deskripsi
(iii)	Pengoptimuman Lebar Jalur (Bandwidth Optimization)	Perkhidmatan ini adalah untuk memantau trafik rangkaian dan mengawal prestasi aplikasi secara optimum berdasarkan kepada polisi pembentukan lebar jalur (bandwidth shaping) yang ditentukan oleh lokasi.
(iv)	Perpindahan (Relocation)	Perkhidmatan perpindahan melibatkan perpindahan talian sedia ada ke aras lain dalam bangunan atau kompleks yang sama, atau perpindahan talian sedia ada ke aras yang sama dalam bangunan atau kompleks yang sama atau perpindahan talian ke lokasi baharu di bangunan yang berlainan.
(v)	Tembok Api (Firewall)	Perkhidmatan ini dibekalkan untuk tujuan integrasi rangkaian 1Gov*Net dengan rangkaian agensi Kerajaan lain.
(vi)	Rangkaian Kawasan Setempat (Local Area Network)	Perkhidmatan ini disediakan hanya bagi agensi yang terlibat dalam perpindahan 1Gov*Net.
(vii)	Penapisan Kandungan (Content Filtering)	Perkhidmatan penapisan kandungan rangkaian hanya disediakan di peringkat laluan (gateway) dari Internet.

Bil.	Perkhidmatan	Deskripsi
(viii)	Capaian Jauh (Remote Access)	Perkhidmatan disediakan secara Rangkaian Persendirian Maya (Virtual Private Network) bagi lokasi capaian jauh (remote) atau pengguna akses mudah alih kepada rangkaian agensi.
(ix)	Sistem Penghalang Pencerobohan (Intrusion Prevention Systems)	Perkhidmatan hanya disediakan di peringkat get laluan (gateway) dari Internet.
(x)	Capaian Internet Khusus (Dedicated Internet Access)	Perkhidmatan terbahagi kepada tiga model, iaitu: (a) Melalui Laluan Internet Terurus (Managed Internet Gateway (MIG)) dengan nisbah 1:1; (b) Capaian terus kepada pembekal perkhidmatan Internet; dan (c) Capaian Internet PCN.
(xi)	Ketersambungan Antarabangsa (International Connectivity)	Perkhidmatan disediakan untuk pejabat-pejabat perwakilan Kerajaan Malaysia di luar negara.
(xii)	Permintaan Lebar Jalur (Bandwidth on Demand)	Pertambahan lebar jalur (bandwidth) mengikut permintaan atau keperluan agensi untuk tempoh tertentu.

Bil.	Perkhidmatan	Deskripsi
C. Perkhidmatan Rangkaian Kampus Putrajaya (PCN)		
(i)	Perkhidmatan capaian internet PCN;	
(ii)	Perkhidmatan E- Metro PCN;	
(iii)	Perkhidmatan penyelenggaraan suis lantai (floor switches), suis pusat (centre switches), suis bangunan (building switches), suis kumpulan (parcel switches) hingga ke suis laluan (gateway switches);	
(iv)	Perkhidmatan rangkaian tanpa wayar yang disediakan oleh MAMPU; dan	
(v)	Perkhidmatan PCN yang dibekalkan TIDAK termasuk perkhidmatan kabel (kabel menegak (vertical) dan melintang (horizontal) dalam bangunan serta kabel antara bangunan), Rangkaian Kawasan Setempat (Local Area Network (LAN)) agensi dan peralatan keselamatan rangkaian agensi.	

PENGOPERASIAN, PEMANTAUAN DAN KHIDMAT SOKONGAN

Khidmat Sokongan	Maklumat Perhubungan/ Sistem Sokongan	Fungsi
(i) Pusat Panggilan	(a) Telefon: 1-300-88-2888; dan (b) E-mel: helpdesk@gitn.com.my	Menguruskan laporan kerosakan, insiden dan permintaan pertukaran (change request) mengenai rangkaian 1Gov*Net.
(ii) Sistem Pemantauan	Sistem Pemantauan Pengurusan Jaminan (Service Assurance Management Systems (SAMS))	Memantau ketersediaan dan penggunaan rangkaian.
(iii) Sistem Pengurusan Perkhidmatan	(a) Sistem Pengurusan Perkhidmatan 1Gov*Net (Services Management System (1GovSERV)); (b) Sistem Pengesanan Pesanan Litar (Circuit Ordering Tracking System (COTS)); dan (c) Pengurusan Kejadian Perkhidmatan Bersepadu (Integrated Service Incident Management (ISIM)).	Sistem permohonan perkhidmatan dan pembekalan (provisioning) 1Gov*Net.

Khidmat Sokongan	Maklumat Perhubungan/ Sistem Sokongan	Fungsi
(iv) Pasukan Sokongan Teknikal dan Pengurusan	(a) Pasukan Sokongan Telekom Malaysia (Operation Centre); (b) Pasukan Sokongan Kawasan dan Kontraktor Khidmat; (c) Pakar Teknikal (Technical Expert); (d) Perkhidmatan Sokongan (Support Service); (e) Jurutera Perkhidmatan (Service Engineer); dan (f) Pengurus Akaun atau Eksekutif Akaun (Account Manager atau Account Executive).	Pasukan sokongan teknikal dan pengurusan.

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TADBIR URUS 1GOV*NET

Jawatankuasa	Keahlian	Terma Rujukan
Jawatankuasa Pemandu (JKP) Projek 1Gov*Net	<u>Pengerusi:</u> Timbalan Ketua Pengarah ICT, MAMPU <u>Timbalan Pengerusi:</u> Ketua Perunding ICT, MAMPU <u>Ahli:</u> (i) Wakil Kementerian Kewangan; (ii) Wakil Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS); (iii) Wakil Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia; (iv) Pengarah-pengarah Bahagian Sektor ICT, MAMPU;	(i) Merangka dasar dan strategi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan dan operasi Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net; (ii) Mencadang dan memperakukan kepada Kerajaan perancangan masa hadapan perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net; (iii) Menyelesaikan isu-isu dasar yang timbul daripada pelaksanaan Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net; (iv) Mengkaji semula caj Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net kepada kadar yang lebih rendah dan memperakukan kepada Jawatankuasa Awam Swasta untuk kelulusan; (v) Mengenal pasti keperluan keselamatan Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net bagi

Jawatankuasa	Keahlian	Terma Rujukan
	<p>(v) Wakil syarikat pembekal; dan</p> <p>(vi) Ahli-ahli lain yang dilantik oleh Kerajaan.</p>	<p>memastikan keselamatan maklumat Kerajaan;</p> <p>(vi) Meluluskan pembayaran projek-projek perkhidmatan rangkaian yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal (JKT) Projek Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net;</p> <p>(vii) Meluluskan permohonan perkhidmatan rangkaian berskala besar yang telah diperakukan oleh Jawatan Kuasa Teknikal (JKT) Projek Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net; dan</p> <p>(viii) Menimbang dan meluluskan cadangan penguatkuasaan terma-terma kontrak perjanjian projek perkhidmatan rangkaian seperti penalti, pelanjutan masa (extension of time) dan penamatan kontrak.</p>
<p>Jawatankuasa Teknikal (JKT) Projek 1Gov*Net</p>	<p><u>Pengerusi:</u> Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Guna Sama</p>	<p>(i) Memantau kemajuan dan memastikan pelaksanaan projek Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net</p>

Jawatankuasa	Keahlian	Terma Rujukan
	<p>Infrastruktur Keselamatan ICT, MAMPU</p> <p><u>Timbalan Pengerusi:</u> Timbalan Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Guna Sama Infrastruktur dan Keselamatan ICT, MAMPU</p> <p><u>Ahli:</u></p> <p>(i) Wakil-wakil MAMPU;</p> <p>(ii) Wakil agensi Kerajaan yang berkaitan dan dilantik oleh Kerajaan; dan</p> <p>(iii) Wakil syarikat pembekal.</p>	<p>memenuhi skop projek dan jadual yang telah ditetapkan;</p> <p>(ii) Memastikan kelancaran pelaksanaan dan operasi projek perkhidmatan rangkaian yang dibekalkan oleh Syarikat;</p> <p>(iii) Memberi nasihat kepada agensi Kerajaan berkaitan projek Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net;</p> <p>(iv) Menganalisis dan memberi penyelesaian kepada isu-isu teknikal dan operasi berkaitan projek Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net;</p> <p>(v) Memperaku pembayaran perkhidmatan dan produk boleh serah (deliverables) kontrak projek Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net kepada Jawatankuasa Pemandu (JKP) Projek berdasarkan kepada dokumen berkaitan pembayaran yang perlu dikemukakan oleh syarikat;</p>

Jawatankuasa	Keahlian	Terma Rujukan
		<p>(vi) Memperaku permohonan Perkhidmatan Rangkaian 1Gov*Net berskala besar kepada Jawatankuasa Pemandu (JKP) Projek 1Gov*Net; dan</p> <p>(vii) Melaporkan status kemajuan projek kepada Jawatankuasa Pemandu (JKP) Projek 1Gov*Net.</p>

PERSEMPADANAN SKOP MAMPU DAN AGENSİ KERAJAAN

